



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BULETIN AGRO

CUKUP DAN TERJAMIN



SOROTAN APRIL 2024

SESI KUNJUNGAN HORMAT YBTM KPKM KE ATAS YAB MENTERI BESAR PERAK 3 APRIL 2024

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Haji Saarani Mohamad.

Dalam kunjungan hormat tersebut, perbincangan ditumpukan kepada 5 (lima) Hala Tuju KPKM iaitu akuakultur, penternakan lembu secara fidlot, jagung bijian, penglibatan anak muda dan pemerkasaan institusi latihan serta 4 (empat) Fokus KPKM yang merangkumi industri padi dan beras, ayam dan telur, bawang dan telur.

Pada tahun 2024, terdapat 22 projek terdiri daripada projek fizikal dan bukan fizikal di Perak melibatkan peruntukan sebanyak RM 273.61 juta. Projek-projek ini termasuk projek di bawah pengairan dan saluran pertanian, latihan pertanian, penternakan, perikanan dan tanaman nenas.

YB Datuk Arthur Joseph Kurup turut memanjangkan jemputan kepada YAB Menteri Besar serta Kerajaan Negeri Perak untuk bersama-sama KPKM di MAHA 2024 yang akan diadakan pada 11 hingga 22 September 2024.

Turut hadir dalam kunjungan hormat berkenaan adalah YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha; YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; YB Dato' Mohd Zolkafly bin Haji Harun; Exco Pertanian Negeri Perak dan YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian serta pegawai-pegawai tinggi KPKM dan Kerajaan Negeri Perak.



TUAIAN PERTAMA BAWANG MALAYSIA DI SUNGKAI

3 APRIL 2024

Sebanyak 2.5 tan bawang Malaysia dihasilkan melalui Projek Perintis Tanaman Bawang di Kampung Ladang Bikam, Sungkai, Perak oleh Jabatan Pertanian (DOA). Fasa pertama tanaman bawang Varieti BAW 1 telah ditanam pada 24 Januari 2024 yang melibatkan keluasan 0.6 hektar. Tuaian pertama bawang ini telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri KPKM, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Pada tahun 2023, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah berjaya menghasilkan tiga varieti bawang Malaysia iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 yang dilancarkan bersempena Show Tech MARDI 2023. Varieti yang dihasilkan sesuai ditanam di tanah rendah dengan tanah yang berbeza iaitu mineral, BRIS dan gambut.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memberikan fokus kepada industri bawang sebagai satu industri rintis pada tahun 2024. MARDI berperanan sebagai pusat pengeluar benih, manakala DOA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berperanan untuk melaksanakan inisiatif penanaman bawang tersebut pada skala yang lebih besar.

Turut hadir dalam program tersebut adalah Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha; Dato' Nor Sam Alwi, Ketua Pengarah Pertanian dan Puan Norsiyenti Othman, Pengarah Pertanian Negeri Perak serta pegawai-pegawai KPKM, DOA, MARDI dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI AIDILFITRI KPKM 2024

4 April 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menganjurkan Program Jualan Agro MADANI Aidilfitri dan Agihan Bubur Lambuk yang merupakan amalan tradisi KPKM pada setiap tahun. Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Arthur Joseph Kurup. Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, merangkap Presiden Kelab Tani, Datuk Badrul Hisham Mohd, Pengerusi Pusanita Cawangan KPKM, Datin Wan Razanawani Wan Zakaria dan Pengurusan Tertinggi KPKM.

Program tahun ini dianjurkan bersama Kelab Tani, Pusanita Cawangan KPKM, AKRAB KPKM, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Restoran Qemangi, Wisma Tani.

Bubuk Lambuk merupakan satu keunikan di Malaysia setiap kali menjelang Ramadan. Secara tradisi di KPKM ianya akan diagihkan kepada warga KPKM dan Jabatan serta Agensi di bawahnya. Signifikannya Program Bubur Lambuk melambangkan perpaduan dan kesepakatan rakyat Malaysia yang meraikan kepelbagaian bangsa, budaya dan agama.

Turut diadakan penyerahan sumbangan zakat, sumbangan kepada mangsa kemalangan, sumbangan bantuan kesihatan, sumbangan kepada mangsa bencana dan sumbangan ceria aidilfitri kepada warga KPKM. Selain itu, KPKM juga mengadakan Program Jualan Agro Madani Aidilfitri di pekarangan Wisma Tani.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN PERDANA KPKM TAHUN 2024

5 April 2024

Seramai 140 orang telah menyertai Majlis Khatam al-Quran Perdana KPKM Tahun 2024 di Surau al-Kautsar, Wisma Tani. Program ini melibatkan warga Wisma Tani yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Jabatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Majlis ini diadakan setiap tahun oleh Surau al-Kautsar sebagai salah satu pengisian Program Ihya' Ramadan 1445H yang bermula pada 11 Mac 2024 dengan sesi Tadarus al-Quran melibatkan semua bahagian di Wisma Tani sepanjang bulan Ramadan.

Program yang bermula pada jam 8.45 pagi berkenaan dipimpin oleh al-Fadhil Ustaz Hamdan Muhammad. Majlis kemudiannya diteruskan dengan Tazkirah Khatam al-Quran sebelum ucapan penutup oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM merangkap Penaung Surau al-Kautsar, Wisma Tani.



PROGRAM SEMARAK SYAWAL AGRO MADANI

6 April 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengadakan Program Semarak Syawal Agro MADANI di 753 lokasi outlet pemasaran seluruh negara bermula 3 April sehingga menjelang sambutan Aidilfitri. Program ini bertujuan memberi peluang kepada para pengguna mendapatkan barangan keperluan sempena perayaan Aidilfitri yang bakal menjelma.

Program jualan berkenaan turut diadakan di Pasar Tani Sri Andalas, Klang, Selangor yang dihadiri oleh YB Menteri KPKM, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu.

Selain barangan seperti daging, ayam dan sayur-sayuran, pengguna juga boleh mendapatkan bekalan juadah tradisi Aidilfitri seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-muih untuk keperluan hari raya.

Dalam masa yang sama, semua usahawan di outlet pemasaran FAMA turut mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2024 yang berkuatkuasa pada 5 hingga 19 April 2024 seperti ditetapkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).



SKIM SUBSIDI HARGA PADI (SSHP)

Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pesawah dan membantu mengurangkan beban kos sawah. Selain itu, SSHP juga memastikan harga beras mengikut tetapan kerajaan serta bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran padi dalam negara. Pada 8 Ogos 2023, kerajaan telah menaikkan kadar SSHP daripada RM360 per tan metrik kepada **RM500 per tan metrik**.



JOM KENALI PINTAR

PINTAR adalah ringkasan kepada Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat dan merupakan *game changer* sektor agromakanan negara.

Pelaksanaan dan pembudayaan konsep PINTAR menekankan pelaksanaan dan pembudayaan inovasi dan *reengineering* dalam semua aspek rantai nilai sektor agromakanan yang akan memberi penekanan komprehensif bagi keterjaminan makanan.



MAJLIS MAKAN MALAM DAN TAKLIMAT KPKM SEMPENA LAWATAN DELEGASI ASEAN BUSINESS ADVISORY COUNCIL (ASEAN-BAC) REBUPLIK FILIPINA KE MALAYSIA

23 April 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menghoskan delegasi ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Republik Filipina dalam satu majlis taklimat dan makan malam di Putrajaya pada 22 April 2024.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad selaku Ketua Delegasi Kementerian dalam majlis ini telah menyampaikan satu taklimat mengenai dasar semasa Kementerian serta potensi kerjasama antara pihak industri di kedua-dua negara.

Antara perkara yang disentuh dalam taklimat beliau ialah fokus dasar KPKM, cabaran dalam sektor agromakanan, prospek dan potensi kerjasama, prospek industri halal, serta ekosistem untuk pelaburan dan perniagaan. Pada akhir taklimat, YBhg. Datuk Azah telah turut menjemput delegasi dari Republik Filipina untuk menyertai MAHA 2024 yang akan diadakan pada 11 hingga 22 September 2024.

Delegasi ASEAN-BAC Republik Filipina yang diketuai oleh pengerusinya, Encik Joey Concepcion, berada di Malaysia dalam rangka lawatan 3 (tiga) hari bermula 22 sehingga 24 April 2024 ke syarikat-syarikat sektor pertanian dan perladangan.

Turut serta dalam majlis ini ialah Puan Yang Terutama (PYT) Maria Angela A. Ponce, Duta Besar Republik Filipina ke Malaysia; YBhg. Dato' Seri Mustapa Mohamed, Pengerusi B2B Connect Initiative (Agriculture), ASEAN-BAC Malaysia; pegawai-pegawai kanan KPKM dan Kementerian Perladangan dan Komoditi; serta wakil daripada syarikat-syarikat sektor pertanian dan agromakanan Malaysia.



HARI VETERINAR SEDUNIA

25 - 18 Jun April 2024

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah merasmikan Sambutan Hari Veterinar Sedunia Tahun 2024 (HVS 2024) di Laman Ternakan, MAEPS, Serdang. Acara tersebut turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, EXCO-EXCO Pertanian Negeri, Ketua-ketua Jabatan/agensi di bawah KPKM, pengarah-pengarah DVS negeri, rakan strategik, dan warga DVS.

HVS 2024 diadakan bertujuan untuk menghargai veterinar dalam memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan terpelihara serta kesejahteraan dan keharmonian antara manusia dan haiwan.

Veterinar turut berperanan dalam memastikan jaminan dan keselamatan makanan berasaskan ternakan mencukupi, mengawal penyakit berjangkit daripada haiwan, serta menyelamatkan haiwan.

Sementara itu, HVS 2024 juga dapat memupuk kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab, ihsan dan rasa kasih sayang terhadap haiwan serta meningkatkan perkhidmatan veterinar di bawah DVS.

Pelbagai pameran dan aktiviti telah disediakan untuk para pengunjung dari 25 hingga 28 April 2024 di Laman Ternakan MAEPS, Serdang, Selangor.



MAJLIS PERASMIAN AGROFIESTA 2024 DI AEON ALPHA ANGLE WANGSA MAJU

27 April 2024

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menganjurkan Agrofiesta 2024 selama tiga hari mulai 26 hingga 28 April 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam di AEON Alpha Angle, Wangsa Maju.

Program pada kali ini menentengahkan jualan buah Mangga Harumanis serta produk industri makanan yang berasaskan mangga seperti Aiskrim Harumanis, Tart Harumanis, Pulut Harumanis, Coklat Mangga, Mango Shake dan lain-lain.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Bin Ali, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Antara tarikan utama Agrofiesta 2024 adalah jualan Mangga Harumanis dan buah-buahan segar. Sebanyak 8 tan metrik buah Mangga Harumanis yang dibawa khas dari negeri Perlis dijual sepanjang program ini selain buah-buahan segar lain seperti Mangga Sala, Pomelo, Nangka Madu (J33), Jagung Manis, Pulasan dan banyak lagi.

Turut hadir dalam program ini adalah YBrs. Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli, Pengerusi FAMA; YBrs. Encik Abdul Rashid bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA dan YBhg. Dato' Muhammad Ammir Haron, Setiausaha Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani KPKM.



MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM PENGEMBANGAN SUBSEKTOR TANAMAN JABATAN PERTANIAN TAHUN 2024

29 April 2024

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu telah hadir merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Tahun 2024 dan Klinik Bergerak Doctor Pokok di KSL Esplanade Hotel, Klang.

Simposium yang berjaya mengumpulkan hampir 1,000 peserta daripada industri tanaman makanan dan pegawai pengembangan merupakan salah satu platform untuk memacu transformasi sektor agromakanan ke arah pembudayaan inovatif terutamanya bagi memperkasakan sistem pengembangan pertanian dalam subsektor tanaman makanan.

Dalam ucapan, YB Menteri merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pertanian atas kejayaan inovasi Sistem GeoTanaman yang memenangi Juara Kategori e-agriculture dalam World Summit Information Society (WSIS) Prizes 2024 yang dianjurkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) di bawah Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB).

Selain itu, Jabatan Pertanian juga telah memperkenalkan inisiatif pertanian berasaskan teknologi terkini seperti Sistem e-Pengembangan, Program Farmers Fields School, dan mySOILDOCTOR.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga turut melancarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut Sedia Ada.

Majlis tersebut turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi dan pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi.



SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

30 April 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) turut serta di dalam pameran sempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 30 April dan 1 Mei 2024.

KPKM mempromosikan TVET Pertanian melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang pertanian. Komitmen ini selaras dengan tema "Cukup dan Terjamin" dalam memastikan keterjaminan makanan negara.

Selain aktiviti pameran dan promosi, BPKLP turut serta dalam sesi pocket talk dengan tajuk Promosi Kursus Pertanian Percuma Untuk Semua Peringkat pada 30 April 2024.





**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**MALAYSIA
MADANI**



@kpkmmalaysia

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

WISMA TANI, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

www.kpkmm.gov.my

BuletinAgro